

TALKING POINT

BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

NAIB CANSOLOR

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN

PADA 31 MAC 2010

DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu
Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib
Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Pegawai-pegawai Utama Universiti

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zhao Shang Hao, Magandang umaga (Bahasa Tagalog), ahroonsawad (Bahasa Thai).

- Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah rahmat dan keizinanNya dapat kita bersama-sama dalam majlis senamrobik pada pagi indah ini untuk mengeratkan lagi hubungan antara kakitangan UniMAP.
- Sepertimana yang semua telah ketahui, UniMAP menjadi Tuan Rumah untuk Seminar Pendidikan Melayu Antarabangsa (SePMA) 2010 mulai 29 hingga 31 Mac 2010

dan kira-kira 300 pembentang kertas kerja dan peserta terlibat dalam seminar selama tiga hari ini.

- Saya pasti saudara-saudari sekalian juga tidak terlepas peluang turut serta mendengar kertas kerja yang dibentangkan tokoh-tokoh terkenal dunia melayu mengenai kepentingan pendidikan terhadap Bangsa Melayu.
- Saya berasa amat berbangga kerana kita sebagai sebuah universiti muda, mampu untuk menganjurkan seminar di peringkat antarabangsa seperti ini dan diharapkan lebih banyak program dan seminar peringkat antarabangsa dapat kita anjurkan.

Sekian,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh